

Unit 16: Perkhidmatan Awam

Kemahiran Membaca

Baca dialog antara Sarjan Ali dan Marina di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

Marina: Selamat pagi, Sarjan. Nama saya Puan Marina. Saya ingin membuat laporan.

Sarjan Ali: Selamat pagi. Puan mahu membuat laporan tentang apa?

Marina: Beg saya telah diragut sebentar tadi.

Sarjan Ali: Di manakah kejadian ragut ini berlaku?

Marina: Kejadian ragut ini berlaku di tepi jalan berhadapan dengan pusat beli-belah TESCO di Ampang.

Sarjan Ali: Boleh Puan berikan masa kejadian ini berlaku?

Marina: Pada jam 2.30 petang.

Sarjan Ali: Baiklah, puan. Boleh puan beritahu apakah dokumen yang terdapat dalam beg itu?

Marina: Di dalam beg saya ada dompet berisi wang berjumlah RM 200, kad pengenalan dan lesen memandu.

Sarjan Ali: Ada apa-apa lagi yang perlu saya catatkan?

Marina: Di dalam beg saya juga ada sebuah computer riba.

Sarjan Ali: Baiklah puan. Laporan tentang kejadian ragut telah saya siapkan.

Marina: Terima kasih, sarjan.

Sarjan Ali: Sama-sama.

Latihan 1

Jawab soalan-soalan berikut.

1. Apakah tujuan Marina ke balai polis?

2. Di manakah kejadian itu berlaku?

3. Pada jam berapakah kejadian tersebut terjadi?

4. Berapakah jumlah wang yang terdapat dalam beg Marina?

Latihan 2

Berdasarkan dialog di atas, senaraikan barang-barang yang terdapat di dalam beg Puan Marina.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____